

Pintu sempadan ditutup lewat untuk warga Thailand

BH 8 DEC 2002

BUKIT KAYU HITAM: Pintu sempadan Malaysia-Thailand di sini akan dibuka hingga selepas jam 12 tengah malam 21 Disember ini, tetapi hanya untuk rakyat Thailand yang pulang ke negara itu selepas menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kebangsaan di Jitra.

Bagaimanapun, rakyat Malaysia yang ingin memasuki Thailand selepas jam 12 tengah malam pada hari berkenaan tidak akan dibenarkan berbuat demikian.

Ketua Pengarah Jabatan Imigresen, Datuk Mohd Jamal Kamdi, berkata hasil perbincangan antara jabatan itu dengan Jabatan Imigresen Thailand, baru-baru ini, kedua-dua pihak bersetuju berbuat demikian.

Bagaimanapun, katanya, kedua-dua pihak hanya akan membenarkan rakyat Thailand yang memiliki dokumen perjalanan sah untuk memasuki Malaysia bagi menghadiri program berkenaan.

"Kami dan pihak Thailand tidak setuju membenarkan rakyat Thailand yang ingin menghadiri majlis itu memasuki Malaysia tanpa dokumen perjalanan sah.

"Bagaimanapun, kami bersetuju membuka pintu sempadan selepas jam 12 tengah malam hinggalah semua rakyat Thailand dipastikan sudah pulang selepas program itu.

"Tempohnya masih belum dipastikan tetapi pintu sempadan akan dibuka semula pada jam 6 pagi keesokannya," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Aidilfitri bersama pegawai dan kakitangan jabatan itu di Kompleks Jabatan Imigresen, di pintu sempadan Malaysia-Thailand, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Jabatan Imigresen Kedah, Md Saad Mehamad. Majlis yang bertujuan menghargai pengorbanan pegawai dan kakitangan Jabatan Imigresen yang bertugas pada Aidilfitri itu dihadiri kira-kira 200

pegawai dan kakitangan jabatan itu.

Pintu sempadan Malaysia-Thailand di sini dibuka dari jam 6 pagi hingga jam 12 tengah malam, mulai 1 Ogos 2001. Sebelum itu ia ditutup pada jam 10 malam.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Peringkat Kebangsaan akan diadakan di Taman Tema Bandar Darul Aman dekat Jitra, tidak jauh dari sini, pada 21 Disember ini.

Ia dijangka dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Kabinet.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, dilaporkan berkata, Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra akan mengetuai jemaah Menteri dan kira-kira 10,000 rakyatnya menghadiri program berkenaan.